

**Najib patut minta Bung Mokhtar letak jawatan, kata Ong Kian Ming**  
**Malaysian Insider**  
**July 10, 2014**

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak patut meminta Datuk Bung Mokhtar Radin meletak jawatan kerana memuji Adolf Hitler dalam tweetnya berikutan kemenangan Jerman menewaskan Brazil dalam separuh akhir World Cup awal pagi semalam.

Ahli Parlimen Serdang Dr Ong Kian Ming berkata tweet ahli Parlimen Kinabatangan itu - "LONG LIVE HITLER" - menjadi tajuk besar media antarabangsa hari ini termasuk TIME, UPI, Huffington Post, Washington Post, BBC News dan Daily Mail.

"Apa yang lebih teruk ialah Bung enggan meminta maaf kerana menulis tweet yang menyakitkan hati itu.

"Sebaliknya, dia mempertahankannya dengan mengatakan "Hitler ialah sebahagian daripada sejarah dan pasukan Jerman berjuang seperti perjuangannya," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Ong berkata Duta Jerman ke Malaysia Holger Michael juga jelas sekali menolak tweet itu apabila menyifatkan ia sebagai "sebuah kiasan kepada rejim fasis Adolf Hitler yang menghinakan dan tidak dapat diterima."

"Tweet Bung yang pertama sangat menyakitkan hati dan tidak dapat diterima daripada seorang ahli Parlimen. Keenganannya meminta maaf dan kejahilannya dalam mempertahankan tweetnya, lebih-lebih lagi tidak dapat diterima," katanya.

Ramai ahli politik di negara demokrasi meletakkan jawatan kerana membuat kenyataan yang bersifat perkauman dan taksub, tambahnya.

"Memandangkan Bung tidak mungkin akan memohon maaf atau meletakkan jawatan, saya menyeru perdana menteri memintanya memohon maaf secara terbuka untuk kedua-dua tweetnya.

"Najib juga harus minta agar beliau letak jawatan sebagai ahli Majlis Tertinggi Umno dan ahli parlimen Kinabatangan sebagai tanda beliau adalah PM yang menghargai reputasi antarabangsa Malaysia, reputasi Parlimen Malaysia dan reputasi parti Umno," katanya. – 10 Julai, 2014.

- See more at: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-patut-minta-bung-mokhtar-letak-jawatan-kata-ong-kian-ming#sthash.YfOYNsE2.dpuf>

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-patut-minta-bung-mokhtar-letak-jawatan-kata-ong-kian-ming>